

**Mahkamah batal kes saman angkasawan negara
Malaysiakini.com
May 18, 2010**

Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur hari ini membatalkan permohonan kes tuntutan saman lebih RM90,000 terhadap angkasawan negara Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie oleh bekas pembantu perbadanya.

Hakim Madihah Harullah membuat keputusan itu setelah mendapati pihak plaintif, Norlina Nordin, kini seorang ahli perniagaan, gagal memfailkan beberapa dokumen yang telah diarahkan sebelum ini.

Norlina memfailkan saman pada 25 Julai 2008 kerana mendakwa angkasawan itu (kiri), sebagai defendan, telah melanggar kontrak pelantikannya sebagai pembantu peribadi dan menuntut ganti rugi RM92,751.85.

Wanita itu mendakwa sebanyak RM47,751.85 telah digunakan bagi tujuan promosi dan upah perkhidmatan RM45,000 sepanjang tiga bulan dia berkhidmat dengan defendan.

Turut dituntut ialah ganti rugi akibat kehilangan keuntungan satu program televisyen yang kononnya akan menjadikan Dr Sheikh sebagai 'ikon pendidikan'.

Pada prosiding pertama kes saman itu hari ini, peguam Norlina, Kaharuddin Harun, memohon supaya kes itu ditangguhkan kerana beliau tidak sihat.

Bagaimanapun, setelah mendapati pihak plaintif gagal memfailkan beberapa dokumen seperti kenyataan saksi, Madihah memutuskan untuk membatalkan kes tersebut.

Selain, itu Madihah turut menolak tuntutan balas sebanyak RM25,000 oleh Dr Sheikh Muszaphar terhadap Norlina.

Kaharuddin, yang dihubungi pemberita, berkata beliau akan membuat permohonan (saman) baru selepas ini.

Peguam Dzaki Ezhar Bahar, yang mewakili Dr Sheikh Muszaphar, pula memberitahu anak guamnya tidak dapat hadir hari ini kerana berada di Florida, Amerika Syarikat, atas urusan perniagaan dan akan hanya pulang esok.

Bagaimanapun, katanya anak guamnya telah dimaklumkan mengenai keputusan tersebut.

- Bernama